

Headline	Cendol segera ke pasaran dunia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Jan 2019	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	573 cm <sup>2</sup>
Journalist	MICHEAL SERING	AdValue	RM 2,936
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,809



# Cendol segera ke pasaran dunia

.....  
MICHEAL SERING

**KUCHING:** Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg menganjurkan penduduk kampung kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Samariang di bandar raya ini berusaha mencipta pelbagai kuih muih segera yang boleh dipasarkan ke seluruh dunia.

Ini berikutan penduduk kampung kawasan DUN itu iaitu Kampung Sungai Bedil sudah mencipta satu produk makanan itu iaitu cendol segera dan beliau yakin produk terbabit boleh dipasarkan sehingga ke seluruh dunia seperti mi segera.

"Itu hanya cendol segera, belum lagi (dicipta) kuih muih segera yang lain," katanya ketika merasmikan acara Fiesta Samariang di Simpang Empat, Kampung Lintang, Petra Jaya, di sini, baru-baru ini.

Ketua Menteri sehubungan itu meminta penduduk Kampung Sungai Bedil berusaha mendaftarkan ciptaan cendol segera mereka terbabit dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyPO) sebagai harta intelek.

"Kalau ada harta intelek, ia akan menjadi bahan makanan yang dapat kita perluaskan (pasarannya), kalau mi segera boleh sedunia, apa salah cendol segera juga sedunia," katanya.

Abang Johari berkata setelah didaftarkan sebagai harta intelek langkah seterusnya ialah penduduk kampung mula menjual produk itu ke pasaran menerusi bantuan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan agensi kerajaan lain.

"Sebab inilah kita dalam Kerajaan Negeri menekankan industri pengeluaran makanan, dan saya telah meminta (Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat &



**LAWAT...** Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud melawat pameran serta jualan Cendol Segera Kampung Sungai Bedil di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2018 di Serdang Selangor pada 26 November 2018.

Pembangunan Wilayah) Datuk Amar Douglas Uggah Embas menumpukan cara baru," katanya.

Cendol Segera Kampung Sungai Bedil merupakan hasil inisiatif Projek

KomunitIKU Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dengan sebelum ini Cendol Segera terbabit menerima tiga anugerah pada Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian

Malaysia (MARDI) pada 8 hingga 10 Oktober 2018 iaitu Anugerah Inovasi, Anugerah Emas dan Anugerah Persempalan Terbaik.